

# Pembelajaran Berasaskan Masalah

Siti Fatimah Omar Bakri dan Azlinah Dakarlan

Pusat Bahasa Melayu Singapura  
Sekolah Rendah Xinmin

**Abstrak:** Kajian berkaitan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL) ini dilaksanakan dengan hasrat untuk meningkatkan kemahiran lisan, khususnya penerangan berdasarkan gambar bagi murid Darjah 6. Seramai 16 orang murid Darjah 6 terlibat dalam kajian ini. Berdasarkan pemantauan guru semasa aktiviti lisan dalam kelas, murid-murid yang terlibat mengalami kesukaran membentangkan hasil perbincangan mereka. Hasil tinjauan menunjukkan bahawa murid-murid membentangkan hasil perbincangan mereka dengan menggunakan ayat yang ringkas dan kosa kata yang tidak sesuai. Objektif kajian ini adalah untuk membantu murid menerangkan gambar dengan menggunakan kosa kata yang tepat dan berstruktur. Konsep PBL telah dipilih untuk membantu murid kerana konsep PBL meneliti masalah yang mirip dengan yang berlaku dalam kehidupan nyata. Dapatkan kajian menunjukkan keberkesanan PBL dalam meningkatkan kemahiran murid bertutur semasa aktiviti perbincangan dan penyampaian lisan.

**Kata Kunci:** PBL, penerangan berdasarkan gambar, kemahiran bertutur

## 1. Pengenalan

Proses pembelajaran dan pengajaran di sekolah memerlukan murid berinteraksi antara satu sama lain dan juga bersama guru. Malah, Siti Hajar Abdul Aziz (2009) ada menyatakan bahawa kemahiran bertutur merupakan kemahiran yang penting dan perlu dikuasai oleh semua orang. Kini, setiap murid perlu mempunyai kemahiran lisan yang dikaitkan dengan kemahiran bertutur dalam kurikulum bahasa Melayu. Malah, komponen lisan yang akan dinilai mengandungi pemberatan yang agak besar iaitu 25% bagi markah keseluruhan. Menurut Yahya Don (2005) pula, kemahiran bertutur merangkumi keupayaan murid untuk menyampaikan maklumat, pendapat dan perasaan serta idea yang kreatif dan kritis secara lisan dengan sebutan dan intonasi yang betul secara spontan.

Untuk melengkapkan murid dengan kemahiran lisan tidaklah mudah. Ia merupakan satu cabaran bagi guru. Oleh itu, pengajaran lisan tidak seharusnya sekadar menunjukkan cara bertutur dengan baik sahaja tetapi peluang harus diberi kepada murid untuk menggabunggalinkan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari daripada mata pelajaran lain. Melalui pendekatan PBL, guru akan dapat meningkatkan kemahiran berfikir murid seperti menyelesaikan masalah, pemikiran analitis dan kritis seperti yang diharap dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah 2015.

## 2. Tujuan Kajian

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk:

1. meningkatkan kemahiran bertutur murid bagi bahagian penerangan berdasarkan; dan
2. menyediakan kaedah berstruktur untuk membantu murid membina kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah dengan menggunakan konsep PBL.

### 3. Pernyataan Masalah

Murid sentiasa ketandusan idea ketika membuat penerangan berdasarkan gambar. Guru pula akan mengajar murid cara-cara untuk menerangkan gambar dalam aktiviti lisan. Guru pula akan mengajar kaedah yang berbeza bagi kepentingan setiap murid. Namun, pelbagai kaedah yang diajarkan kepada murid bukan dapat membantu malah, membingungkan murid kerana terlalu banyak kaedah yang diajarkan. Justeru itu, murid akan menerangkan gambar lisan dengan menggunakan pelbagai kaedah yang diajarkan dengan menggunakan ayat yang ringkas dan mudah. Keterbatasan kosa kata murid juga turut menjadikan pertuturan murid dan menyebabkan murid akan bertutur dengan menggunakan ayat-ayat mudah dan tidak menarik. Murid juga sering tidak menyokong idea-idea mereka dengan penjelasan lebih lanjut mungkin kerana mereka tidak terdedah pada situasi atau konteks gambar yang diberi.

Murid yang sering ketandusan idea dan sering tidak menyokong idea-idea mereka akan menyebabkan pencapaian mereka tidak begitu baik. Guru yang mengajar kelas subjek kajian mengenal pasti bahawa murid sebenarnya tidak pasti apa yang dikehendaki dalam komponen penerangan berdasarkan gambar. Dengan ketidak pastian itu, murid membuat penerangan dengan cara yang berbeza-beza. Ada yang murid yang berjaya menerangkan gambar dengan padat dan ada juga murid yang hanya menerangkan gambar secara ringkas.

Justeru itu, guru yang mengajar kelas subjek kajian menginginkan murid dapat menerangkan gambar lisan dengan padat. Guru perlu menyediakan satu kaedah berstruktur untuk membantu murid membina kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah yang dipaparkan dalam gambar lisan.

### 4. Kajian Lepas

Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL) bermula dengan sebagai satu metodologi pendidikan di Universiti McMaster Kanada pada tahun 1969. PBL adalah satu genre pembelajaran Konstruktivis kerana didapati tidak selaras dengan konstruktivisme. Individu membina pengertian kerana dia belajar.

Menurut Howard Barrows, PBL merupakan proses pendidikan yang memerlukan seseorang pelajar mengalami aktiviti pembelajaran yang berguna dalam alam kehidupan yang nyata. Matlamat utama ialah mencabar pelajar melalui masalah sebagai stimulus kepada pembelajaran yang dapat digunakan pada masa hadapan.

*"An education process that requires the learner to go through the same activities during learning that are valued in the world...The intent is to challenge the learner with problems found in practice but as a stimulus for learning and as a focus for organising what has been learned for later recall and application for future work"*

(Boud & Feletti, 2001)

Piaget (1970), mencadangkan bahawa salah satu motivasi untuk perkembangan intelek seseorang adalah 'konflik kognitif' yang timbul di antara pengalaman kanak-kanak itu dengan dunia dan memahaminya. Konflik ini merupakan perjuangan yang pengalaman pelajar apabila berhadapan dengan jurang dalam pengetahuan yang mereka perlu tahu untuk menyelesaikan masalah. Pelbagai perkara-perkara yang penting telah dikenal pasti dalam PBL, antaranya adalah:

1. Murid perlu bertanggungjawab dan merancang pembelajaran mereka sendiri;
2. Masalah adalah titik permulaan pembelajaran pengetahuan yang baharu;
3. Guru memudahkan pemikiran murid;
4. Murid harus melakukan cerminan; dan
5. Murid perlu belajar melalui proses penyelesaian masalah.

## 5. Kaedah Kajian

Dalam kajian ini, perkara utama yang telah dilakukan ialah mengenal pasti pencapaian murid bagi markah lisan memfokuskan kepada bahagian penerangan berdasarkan gambar sahaja. Markah lisan ini diambil sebelum murid didedahkan atau menjalani proses PBL. Tinjauan lanjut dilakukan untuk memahami dengan lebih mendalam masalah yang dihadapi murid. Keputusan Ujian lisan SA2 Darjah 5 murid dianalisis dan didapati kelakonan murid bagi bahagian penerangan berdasarkan gambar kebanyakannya berada di banda sederhana. Pencapaian ini telah menjejas kelakonan murid untuk mencapai sekurang-kurangnya banda baik. Pencapaian ini tidak melepasasasaran yang ditetapkan oleh jabatan sekolah. Justeru itu, bagi meningkatkan prestasi murid, murid harus dilengkapi dengan abad kemahiran abad ke-21, di mana murid menjadi lebih berkeyakinan, mempunyai arah kendiri, memberi sumbangan secara aktif dan menjadi warganegara yang prihatin.

Borang soal-selidik digunakan untuk mengenal pasti aspek kelemahan murid dalam kemahiran lisan. Satu strategi pembelajaran yang konstruktif telah dilakarkan bagi membantu dalam peningkatan kemahiran lisan telah dihasilkan. Justeru itu, perancahan seperti penyediaan sokongan secara kontekstual bagi pemahaman makna menerusi penggunaan bahasa yang mudah, tunjuk ajar oleh guru, penglibatan pembelajaran secara kolaborasi dan sesi amali telah disediakan untuk murid. Ini menyokong apa yang ditegaskan oleh Ovando, Collier dan Combs (2003) di mana pembelajaran lisan harus diterapkan dengan perancahan melalui aktiviti yang pelbagai dan bertahap-tahap bagi mengukuhkan proses pembelajaran.

### 5.1. Subjek kajian

Kajian ini melibatkan sekumpulan 16 orang murid Darjah 6 daripada kemahiran pelbagai yakni kemahiran sederhana dan kemahiran rendah (*Middle progressive, low progressive*). Pemilihan ini dilakukan berdasarkan markah keseluruhan murid-murid ini bagi komponen lisan (penerangan berdasarkan gambar). Murid-murid ini didapati menerangkan gambar dengan menggunakan ayat mudah, tidak padat dan tidak memberikan respons peribadi mereka. Teknik Pembelajaran Berasaskan Masalah dijalankan di dalam kelas agar murid terlibat dalam pembelajaran secara aktif dengan menyelesaikan masalah yang memerlukan penyertaan mereka.

### 5.2. Instrumen kajian

Murid akan menjalani proses konsep PBL iaitu penjanaan idea, isu pembelajaran, pembelajaran kendiri, sintesis dan aplikasi, maklum balas dan pencerahan. Murid perlu melalui proses PBL bagi menyediakan kaedah berstruktur untuk membantu murid membina kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah. Klip video, keratan-keratan akhbar yang sesuai dan aktiviti menjana kecerdasan minda juga digunakan dalam kajian ini bagi membantu murid untuk mendapatkan kosa kata yang sesuai dan tepat untuk menerangkan gambar. Slaid *PowerPoint* tentang penerangan teliti bagi proses PBL juga digunakan dalam kajian ini. Proses PBL dicetak dijadikan kad-kad mini untuk membimbing dan membantu murid semasa melalui proses PBL.

### 5.3. Prosedur kajian

Murid-murid melalui aktiviti yang pelbagai dan bertahap-tahap bagi mengukuhkan proses pembelajaran. Guru membuat pemantauan keberkesanan penyelesaian masalah, mutu kerja murid dan guru memudahcarakan proses penyelesaian masalah. Murid akan melalui enam tahap dalam proses PBL.

Pertama, murid akan dikemukakan dengan masalah yang harus diselesaikan. Di tahap ini, murid perlu kenal pasti masalah yang dikemukakan dan senaraikan fakta-fakta, butiran-butiran penting dalam permasalahan yang dikemukakan.

Pada tahap kedua pula, murid perlu senaraikan idea-idea yang berkait dengan masalah yang dikemukakan. Tahap ini merupakan tahap sumbang saran di mana murid boleh kemukakan soalan-soalan. Idea-idea murid boleh berbentuk hipotesis, penerokaan dan kreatif tetapi yang pasti harus dapat menghuraikan masalah yang dikemukakan.

Pada tahap ketiga murid diminta untuk melihat isu pembelajaran dengan perspektif yang pelbagai. Murid harus tentukan apa yang perlu dicari untuk selesaikan masalah yang dikemukakan agar dapat menyelesaikan masalah yang wujud.

Pada tahap keempat memberi ruang bagi pembelajaran kendiri. Murid akan mencari maklumat yang diingini melalui pelbagai sumber. Segala maklumat relevan yang diperoleh akan dibentangkan dan dibincangkan dalam perbincangan seterusnya.

Pada tahap yang kelima, murid perlu meneliti dan merenung maklumat yang dikumpulkan. Murid perlu menganalisis, mengkritik dan menambah maklumat untuk membina dan berkolaborasi

mengenai pengetahuan yang berkaitan dengan masalah. Di tahap ini juga murid perlu membina jawapan atau penjelasan yang diingini.

Akhir sekali, murid perlu membuat maklum balas dan pencerahan. Murid perlu merenung semula huraian dan penjelasan masalah bagi masalah yang dikemukakan.

## **6. Dapatkan Kajian dan Perbincangan**

Data-data bagi kajian ini dianalisis dengan menggunakan pendekatan analisis kuantitatif. Markah murid yang menjalani Pembelajaran Berasaskan Masalah dipantau. Perbandingan markah Darjah 5 SA2 diambil dan dibandingkan dengan markah Darjah 6 SA2 di mana struktur Pembelajaran Berasaskan Masalah baru diajarkan kepada murid-murid. Guru-guru mendapati 70% murid telah berjaya melangkaui band cemerlang. Bagi memastikan keberkesanan proses PBL yang berlangsung di dalam bilik darjah bagi latihan lisan, kajian bagi proses PBL dijalankan sekali lagi sebelum ujian prelim. Guru-guru pemeriksa bersepakat bahawa penerangan dan respons yang diketengahkan murid-murid baik dan padat. Murid-murid juga tampil yakin semasa menerangkan gambar lisan.

Berdasarkan dapatan kuantitatif seperti yang dibincangkan di atas, jelas menunjukkan kemahiran murid dalam bahagian penerangan berdasarkan gambar telah meningkat. Murid dapat mengikuti proses PBL yang diperkenalkan kepada mereka dengan berkesan. Murid tidak lagi teragak-agak dalam menyatakan pendapat, idea dan penyelesaian yang diketengahkan dalam gambar dan bukan hanya menerangkan aktiviti tanpa penyelesaian. Proses PBL yang telah murid-murid lalui telah membantu murid supaya lebih berkeyakinan untuk menyampaikan idea-idea mereka.

## **7. Kesimpulan**

Kajian ini telah mencapai matlamat yang ingin dicapai. Dengan menyediakan ruang bagi murid untuk menjalani proses PBL, murid lebih berupaya memberikan respons yang lebih padat dengan memberikan penyelesaian bagi masalah yang diketengahkan dalam gambar. Struktur dalam proses PBL berjaya merangsang murid untuk menyampaikan idea-idea mereka dengan lebih menarik, teratur dan memberikan respons peribadi yang baik.

Dengan ada struktur dalam proses PBL, murid lebih berkeyakinan untuk bertutur dan menerangkan gambar. Hasilnya terbukti jika dilihat pada perubahan markah dari band baik ke band cemerlang yang signifikan. Proses PBL ini bukan hanya memberi manfaat kepada murid-murid malah kepada guru-guru juga dalam menjalankan pengajaran lisan. Justeru itu, proses PBL akan dijalankan dalam lebih banyak bilik darjah.

## **8. Rujukan**

- Ovando, C., Collier, V., & Combs, M. (2003). *Bilingual and ESL classrooms: Teaching Multicultural Contexts* (3rd ed.). Boston: McGraw-Hill
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2009). *Siri Pendidikan Guru: Bahasa Melayu II*. Selangor Darul Ehsan: Laser Press Sdn Bhd.
- Yahya Don (2005). *Kepimpinan Pendidikan di Malaysia*. Wangsa Melawati, Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.